



Nestlé®

Good food, Good life

**NOTIS PENTING:**

**PERADUAN MAGGI SELERA PUAS, SEMANGAT MEMBARA 2022 [“PROMOSI”]  
PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT**

Perubahan ini [Versi 1.1] kepada Terma dan Syarat Versi 1 – Klausa 7a(v) [<https://www.registration.nestle.com.my/maggifootball-fiesta-2022>] berkenaan dengan Promosi hendaklah berkuat kuasa serta-merta dan menggantikan setakat mana-mana ketidakseragaman dengan Terma dan Syarat.

**TERMA DAN SYARAT [VERSI 1.1]**

**A: Jadual bagi Syarat Penyertaan**

7. <b><u>Kaedah Penyertaan Melalui WhatsApp:</u></b>	a (v) Penganjur <b><u>TIDAK</u></b> akan auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan penyertaan.
--	--

**TERMA DAN SYARAT [VERSI 1]**

**A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

1. <b><u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
2. <b><u>Promosi:</u></b>	PERADUAN MAGGI SELERA PUAS, SEMANGAT MEMBARA 2022.
3. <b><u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 16/10/2022 dan ditutup jam 23:59:59 pada 24/12/2022.
4. <b><u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini terbuka kepada semua individu penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dengan dokumen pengenalan yang sah dan tempat tinggal yang beralamat di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <b><u>Produk Turut Serta &amp; Kaedah Penyertaan:</u></b>	a. Untuk menyertai Promosi, beli minima satu [1] mana-mana produk turut serta [“Produk”] tersenarai di bawah dalam satu resit bercetak [“Resit”] sebagai bukti pembelian dari mana-mana outlet di dalam kedai dan di

	<p>dalam talian yang mengambil bahagian [“Outlet”] semasa Tempoh Promosi.</p> <p>b. Di bawah adalah produk-produknya:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. MAGGI HOT CUP</li> <li>ii. MAGGI HOT MEALZ</li> <li>iii. MAGGI PEDAS GILER</li> <li>iv. MAGGI FUSIAN</li> </ol> <p>c. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dan/atau resit bertulis dari sistem <i>Point of Sale</i> atau inoivis cukai dari pembelian dalam talian. Untuk inoivis cukai pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau baucar diskaun, hanya jumlah bayaran akhir akan diterima.</p> <p>d. Resit mesti mengandungi nombor resit, nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat dan Produk yang diperlukan dan yang dinyatakan dengan jelas. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi kedai di mana pembelian dibuat [“Butiran Resit”].</p> <p>e. Terdapat dua [2] kaedah penyertaan Promosi iaitu sama ada melalui:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Laman Web; atau</li> <li>ii. WhatsApp.</li> </ol> <p>Semua kaedah penyertaan lain akan dibatalkan.</p> <p>f. <b>Setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penyertaan SAMA ADA melalui Laman Web ATAU melalui WhatsApp.</b> Penganjur berhak membatalkan penyertaan Promosi dengan Resit yang dicetak semula dan/atau Resit yang berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] Resit.</p> <p>g. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri berdasarkan kuantiti pembelian eperti yang dinyatakan dalam Resit yang diserahkan. Untuk setiap pembelian satu [1] Produk, Penganjur akan memperuntukkan satu [1] nombor bersiri. Sila rujuk klausa Maklumat Pengadilan di bawah. <u>Contoh:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jika anda membeli dua [2] MAGGI PEDAS GILER dalam satu resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan dua [2] nombor bersiri.</li> <li>- Jika anda membeli satu [1] MAGGI PEDAS GILER Multipack 6 dalam satu resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan enam [6] nombor bersiri.</li> </ul> <p>h. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur.</p>
<p>6. <b><u>Kaedah Penyertaan</u></b></p>	<p>a. Untuk menghantar penyertaan melalui <b>Laman Web:</b></p>

<p><b><u>Melalui Laman Web:</u></b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tulis di depan Resit nama penuh dan nombor pengenalan anda ["Butiran Peribadi"]. <u>Contoh, tulis di atas Resit:</u> <i>Lee Mei Mei 010102148586</i></li> <li>ii. Lawati Laman Web Promosi: <a href="https://www.registration.nestle.com.my/maggifootball-fiesta-2022">https://www.registration.nestle.com.my/maggifootball-fiesta-2022</a> atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet.</li> <li>iii. Lengkapkan semua butiran peribadi yang diperlukan ["Butiran Peribadi"] dan Butiran resit dalam Borang Web yang disediakan di Laman Web Promosi.</li> <li>iv. Tangkap satu [1] gambar/imej <u>jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpg atau jpeg atau png ["Imej"] Resit yang lengkap dengan Butiran Resit.</li> <li>v. Satu [1] Imej mesti mengandungi gambar satu [1] Resit sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 2MB.</li> <li>vi. Muat naik Imej pada Borang Web dan hantar ["Penyertaan Laman Web"].</li> <li>vii. Penganjur AKAN auto-balas dengan menghantar laporan perakuan penerimaan untuk setiap Penyertaan Laman Web yang diterima.</li> </ul> <p>b. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan Laman Web yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan dengan Butiran Peribadi tidak lengkap, dan Imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca &amp; tidak lengkap akan dibatalkan.</p> <p>c. Penganjur berhak untuk meminta bukti Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak dokumen tersebut apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p>
<p>7. <b><u>Kaedah Penyertaan Melalui WhatsApp:</u></b></p>	<p>a. Untuk menyertai Promosi dan menghantar penyertaan melalui <b>WhatsApp:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tulis di depan Resit nama penuh anda dan nombor pengenalan ["Butiran Peribadi"]. <u>Contoh, tulis di atas Resit:</u> <i>Lee Mei Mei 010102148586</i></li> <li>ii. Tangkap satu [1] gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u>, satu [1] Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit ["Imej"].</li> <li>iii. Satu [1] Imej mesti mengandungi satu [1] Resit sahaja.</li> <li>iv. Hantar satu [1] Imej melalui WhatsApp dari mana-mana nombor yang berdaftar di Malaysia ke <b>6018 388 0070</b> ["Penyertaan WhatsApp"].</li> <li>v. Penganjur AKAN auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan WhatsApp yang diterima.</li> </ul> <p>b. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan WhatsApp yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan yang tidak jelas, tidak boleh dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan.</p>

	<p>c. Penganjur berhak untuk meminta bukti Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak dokumen tersebut apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p>										
<p>8. <b><u>Eksklusif di MYNEWS:</u></b></p>	<p>a. Bagi peserta dengan pembelian dari mana -mana outlet MYNEWS layak memenangi hadiah <u>tambahan</u> dari MYNEWS. Sila rujuk klausa 14 ke klausa 17.</p> <p>b. Hadiah MYNEWS adalah eksklusif kepada semua peserta yang menghantar Penyertaan mereka dengan resit MyNews.</p>										
<p>9. <b><u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></b></p>	<p>Semua Penyertaan Laman Web dan WhatsApp mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 24/12/22. Penyertaan Laman Web dan WhatsApp yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.</p>										
<p>10. <b><u>Hadiah Mingguan:</u></b></p>	<p>a. Terdapat lapan [8] Hadiah Mingguan dalam bentuk Jersi Bola Sepak Berjenama bernilai RM300 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu selama sepuluh [10] minggu berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat lapan puluh [80] Hadiah mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Sepuluh [10] tempoh mingguan adalah seperti di bawah:</p> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td>Minggu 1: 16/10 – 22/10/2022</td> <td>Minggu 2: 23/10 – 29/10/2022</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3: 30/10 – 05/11/2022</td> <td>Minggu 4: 26/11 – 12/11/2022</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5: 13/11 – 19/11/2022</td> <td>Minggu 6: 20/11 – 26/11/2022</td> </tr> <tr> <td>Minggu 7: 27/11 – 03/12/2022</td> <td>Minggu 8: 04/12 – 10/12/2022</td> </tr> <tr> <td>Minggu 9: 11/12 – 17/12/2022</td> <td>Minggu 10: 18/12 – 24/12/2022</td> </tr> </table>	Minggu 1: 16/10 – 22/10/2022	Minggu 2: 23/10 – 29/10/2022	Minggu 3: 30/10 – 05/11/2022	Minggu 4: 26/11 – 12/11/2022	Minggu 5: 13/11 – 19/11/2022	Minggu 6: 20/11 – 26/11/2022	Minggu 7: 27/11 – 03/12/2022	Minggu 8: 04/12 – 10/12/2022	Minggu 9: 11/12 – 17/12/2022	Minggu 10: 18/12 – 24/12/2022
Minggu 1: 16/10 – 22/10/2022	Minggu 2: 23/10 – 29/10/2022										
Minggu 3: 30/10 – 05/11/2022	Minggu 4: 26/11 – 12/11/2022										
Minggu 5: 13/11 – 19/11/2022	Minggu 6: 20/11 – 26/11/2022										
Minggu 7: 27/11 – 03/12/2022	Minggu 8: 04/12 – 10/12/2022										
Minggu 9: 11/12 – 17/12/2022	Minggu 10: 18/12 – 24/12/2022										
<p>11. <b><u>Maklumat Pengadil – Hadiah Mingguan:</u></b></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan menggabungkan semua Penyertaan Laman Web dan Penyertaan WhatsApp mengikut tarikh dan masa diterima dan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan Resit yang dikemukakan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan bagi minggu tersebut ialah <b>802</b>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p>										

	<p>i. <b>Pemilihan lapan [8] Finalis Hadiah Mingguan: <math>802 \div 8 = 100.2</math>.</b> Oleh sebab pembahagian 802 dengan 8 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 100.2 akan dibundarkan ke bawah kepada <b>100</b>. 8 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 100*, 200*, 300*, 400, 500, 600, 700 dan 800 [*contoh pengiraan: <b>100</b>, <math>100+100=200</math>, <math>200+100=300</math>].</p>
12. <b><u>Hadiah Utama:</u></b>	<p>a. Terdapat lima [5] Hadiah Utama dalam bentuk Satu [1] Konsol Permainan Berjenama dengan Permainan Bola Sepak Berjenama setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
13. <b><u>Maklumat Pengadil – Hadiah Utama:</u></b>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Pemenang Hadiah Utama, SEMUA Penyertaan Layak dikumpulkan dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan pemenang mingguan dan sepanjang Tempoh Promosi secara berasingan akan diperuntukkan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Di akhir Tempoh Promosi, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak yang diterima ialah <b>6001</b>, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan lima [5] Finalis Hadiah Utama: <math>6001 \div 5 = 1200.2</math>.</b> Oleh sebab pembahagian 6001 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 1200.2 akan dibundarkan ke bawah kepada 1200. 5 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 1200*, 2400*, 3600*, 4800 dan 6000 [*contoh pengiraan: <b>1200</b>, <math>1200+1200=2400</math>, <math>1200+2400=3600</math>].</p>
14. <b><u>Hadiah Mingguan MYNEWS:</u></b>	<p>a. Terdapat dua belas [12] Hadiah Mingguan dalam bentuk PIN Touch n' Go e-wallet bernilai RM50 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu selama sepuluh [10] minggu berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat satu ratus dua puluh [120] Hadiah mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p>
15. <b><u>Maklumat Pengadil – Hadiah Mingguan MYNEWS:</u></b>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan MYNEWS, Penganjur akan menggabungkan semua Penyertaan Laman Web dan Penyertaan WhatsApp mengikut tarikh dan masa diterima dan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan Resit MYNEWS yang dikemukakan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak MYNEWS " dan secara kolektif "Penyertaan Layak MYNEWS"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p>

	<p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak MYNEWS akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak Mingguan MYNEWS"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan MYNEWS bagi minggu tersebut ialah <b>802</b>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan dua belas [12] Finalis Hadiah Mingguan MYNEWS: <math>802 \div 12 = 66.8</math></b>. Oleh sebab pembahagian 802 dengan 12 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 66.8 akan dibundarkan ke bawah kepada <b>66</b>. 12 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 66*, 132*, 198*, 264, 330, 396, 462, 528, 594, 660, 726 dan 792 [*contoh pengiraan: <b>66</b>, <math>66+66=132</math>, <math>132+66=198</math>].</p>
<p>16. <b><u>Hadiah Utama MYNEWS:</u></b></p>	<p>a. Terdapat lapan [8] Hadiah Utama MYNEWS berupa sebuah NINTENDO SWITCH bernilai RM1,699 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>17. <b><u>Maklumat Pengadil – Hadiah Utama MYNEWS:</u></b></p>	<p>a. Untuk memilih Finalis Hadiah Utama MYNEWS, <b>SEMUA Penyertaan Layak dengan Resit MYNEWS</b> dikumpulkan dan diproses semasa proses pemilihan pemenang mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan Resit MYNEWS yang dikemukakan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak MYNEWS " dan secara kolektif "Penyertaan Layak MYNEWS"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak MYNEWS akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak Mingguan MYNEWS"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan MYNEWS bagi minggu tersebut ialah <b>802</b>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan lapan [8] Finalis Hadiah Utama MYNEWS: <math>3667 \div 8 = 458.3</math></b>. Oleh sebab pembahagian 3667 dengan 8 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 458.3 8 akan dibundarkan ke bawah kepada <b>458</b>. 8 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak MYNEWS yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 458*, 916*, 1374*, 1832, 2290, 2748, 3206 dan 3664. [*contoh pengiraan: <b>458</b>, <math>458+458=916</math>, <math>916+458=1374</math>].</p>
<p>18. <b><u>Terma Tambahan:</u></b></p>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih dari <b>6018 388 0070</b> melalui nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan</p>

	<p>untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Satu [1] Hadiah Mingguan setiap minggu,</li> <li>ii. Satu [1] Hadiah Utama,</li> <li>i. Satu [1] Hadiah Mingguan MYNEWS, dan</li> <li>ii. Satu [1] Hadiah Utama MYNEWS.</li> </ol> <p>c. Semua hadiah akan dihantar kepada Pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 24/12/2022. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur.</p> <p>d. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditentukan oleh Penganjur untuk mengambil hadiah akan dibatalkan.</p> <p>e. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.</p> <p>f. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p>
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di Website: <https://www.registration.nestle.com.my/maggifootball-fiesta-2022> secara kolektif dinamakan “**Terma dan Syarat**”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

Dengan menyertai promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemrosesan Maklumat Peribadi anda dalam Notis Privasi.  
Talian Percuma Khidmat Pengguna: 1800 88 3433.

## **B. Syarat-syarat Penyertaan**

### **1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakinya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

### **2. Penyertaan Kempen**

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Kempen ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Kempen, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Kempen hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

### **3. Kelayakan**

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu

bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Kempen dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.

- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

#### **4. Tidak layak**

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Kempen:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Kempen dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

#### **5. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Kempen dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

#### **6. Hadiah**

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

- 6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.

6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Kempen mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Intelektual**

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Kempen dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Kempen atau pelanggaran Terma dan Syarat,

## **10. Had Liabiliti**

10.1 Penyertaan Peserta dalam Kempen adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang

dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Kempen, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

**11. Am**

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Kempen dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Kempen) berhubung dengan Kempen, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Kempen yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Kempen disediakan dalam bahawa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

**12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Kempen, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm).
- 12.2 By participating in the Campaign, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).